KERTAS KONSULTASI AWAM BIL. 02/2024:

PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA

BAHAGIAN 1: PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

[A] Pengenalan

1.1 Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 ("**Rang Undang-Undang Pindaan**"), yang memperkenalkan pindaan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**APDP**"), telah diluluskan tanpa sebarang pindaan oleh Dewan Rakyat pada 16 Julai 2024, dan oleh Dewan Negara pada 31 Julai 2024. Rang Undang-Undang Pindaan itu kini sedang menunggu perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong.

1.2 Fasal 6 dalam Rang Undang-Undang Pindaan ini bertujuan untuk mewajibkan pengawal data (sebelum ini dikenali sebagai pengguna data)[1] dan pemproses data melantik pegawai perlindungan data secara mandatori dengan memasukkan Seksyen 12A baharu di bawah Bahagian II APDP.

1.3 Untuk memudahkan rujukan, teks penuh Seksyen 12A APDP memperuntukkan keperluan pelantikan pegawai perlindungan data secara mandatori adalah seperti berikut:

> ***Pelantikan pegawai perlindungan data***
>
> ***12A.*** *(1) Seseorang pengawal data hendaklah melantik seorang atau lebih pegawai perlindungan data yang hendaklah bertanggungan kepada pengawal data bagi pematuhan Akta ini.*
>
> *(2) Jika pemprosesan data peribadi dijalankan oleh seorang pemproses data bagi pihak pengawal data, pemproses data hendaklah melantik seorang atau lebih pegawai perlindungan data yang hendaklah bertanggungan kepada pemproses data bagi pematuhan Akta ini.*
>
> *(3) Pengawal data itu hendaklah memberitahu Pesuruhjaya tentang pelantikan pegawai perlindungan data mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.*
>
> *(4) Pelantikan pegawai perlindungan data di bawah subseksyen (1) dan (2) tidak melepaskan pengawal data atau pemproses data daripada semua kewajipan dan fungsi di bawah Akta ini.*

1.4 Untuk melengkapkan kewajipan pegawai perlindungan data yang akan diperkenalkan oleh Seksyen 12A baharu dalam APDP, satu cadangan Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pegawai Perlindungan Data) ("**Peraturan DPO**") dan Garis Panduan Pegawai Perlindungan Data ("**Garis Panduan DPO**") sedang dibangunkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi ("**Pesuruhjaya**"). Peraturan DPO dan Garis Panduan DPO akan memberikan panduan tambahan mengenai keperluan pelaksanaan berkenaan kewajipan pelantikan pegawai perlindungan data dan melengkapi Seksyen 12A APDP.

1.5 Berdasarkan perkara di atas, Kertas Konsultasi Awam ("**KKA**") ini adalah bertujuan untuk mengumpulkan pandangan dan maklum balas orang awam mengenai aspek yang akan atau perlu dijelaskan di dalam Peraturan DPO serta Garis Panduan DPO yang dicadangkan.

[1] Fasal 2 dalam Rang Undang-undang Pindaan menggantikan istilah "pengguna data" dengan "pengawal data" di seluruh Rang Undang-undang Pindaan.

BAHAGIAN 2: KEPERLUAN YANG DICADANGKAN UNTUK PELANTIKAN PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA DI BAWAH APDP

2.1 Sebagai gambaran keseluruhan, Bahagian 2 KKA ini adalah mengenai cadangan keperluan yang akan diperjelaskan di dalam Peraturan DPO dan Garis Panduan DPO berdasarkan kategori berikut:

(a) Keperluan ambang untuk pelantikan mandatori Pegawai Perlindungan Data ("**DPO**");

(b) Keselarasan dengan keperluan undang-undang lain untuk peranan yang serupa dengan DPO;

(c) Risiko khusus berkaitan sektor yang perlu diketahui oleh DPO semasa menjalankan fungsinya;

(d) Garis pelaporan untuk DPO;

(e) Pelantikan DPO serantau dan keperluan DPO pemastautin tempatan;

(f) Kepakaran dan kelayakan minimum DPO dan pensijilan DPO; dan

(g) Faktor-faktor yang mungkin dipertimbangkan oleh Pesuruhjaya dalam melaksanakan budi bicaranya untuk mewajibkan pelantikan DPO.

[A] Keperluan ambang untuk pelantikan mandatori DPO

2.2 Latar Belakang: Sebelum pindaan terbaru kepada APDP, tiada keperluan mandatori di bawah APDP bagi pengawal data atau pemproses data untuk melantik DPO. Oleh sebab itu, DPO (atau yang setaraf dengannya) hanya dilantik menurut keperluan undang-undang tambahan yang mereka tertakluk di bawah undang-undang atau peraturan lain, peruntukan kontrak atau secara sukarela.

2.3 Bagi memastikan APDP adalah selaras dengan amalan pihak berkuasa perlindungan data dalam bidang kuasa lain (termasuk Kesatuan Eropah atau "EU") dan mengelakkan keperluan pelantikan DPO daripada terlalu membebankan pengawal data / pemproses data yang lebih kecil, adalah dicadangkan bahawa keperluan pelantikan DPO mandatori di bawah Seksyen 12A APDP dihadkan kepada hanya jenis pengawal data / pemproses data tertentu. Risiko yang dihadapi oleh subjek data, sifat data peribadi yang diproses dan jumlah subjek data yang data peribadinya sedang diproses juga perlu diambil kira.

2.4 Cadangan: Adalah dicadangkan bahawa keperluan pelantikan DPO mandatori hanya terpakai kepada pengawal data / pemproses data yang menjalankan aktiviti pemprosesan data "skala besar". Dalam menentukan sama ada aktiviti pemprosesan data adalah "skala besar" atau tidak, faktor-faktor berikut perlu dipertimbangkan:

(a) bilangan subjek data yang berkenaan;

(b) jumlah data dan/atau julat butiran data berbeza yang diproses;

(c) sifat data yang diproses (contoh: sama ada data peribadi sensitif terlibat);

(d) risiko yang dihadapi oleh subjek data akibat daripada aktiviti pemprosesan data yang dijalankan oleh pengawal data / pemproses data;

(e) tempoh atau kekekalan aktiviti pemprosesan data; dan/atau

Contoh:

Ini mungkin termasuk aktiviti pemprosesan data yang memerlukan "pemantauan berkala dan sistematik".

"Pemantauan berkala" merujuk kepada pemprosesan yang memerlukan pemprosesan berterusan atau tetap, manakala "pemantauan sistematik" merujuk kepada pemprosesan yang teratur dan diatur terlebih dahulu.

(a) Contoh aktiviti pemprosesan yang memerlukan pemantauan berkala dan sistematik: Pembekal perkhidmatan analitik perniagaan memproses data peribadi dengan menjejak dan memprofilkan subjek data di luar talian dan dalam talian untuk tujuan perkhidmatan pengiklanan tingkah laku yang ditawarkan kepada pelanggannya. Pemprosesan ini berkemungkinan berlaku secara berkala kerana ia dijalankan secara berterusan.

(b) Contoh aktiviti pemprosesan yang tidak memerlukan pemantauan berkala dan sistematik: Sebuah sekolah menganjurkan persidangan ibu bapa-guru dan meminta ibu bapa yang hadir untuk membuat pra-pendaftaran dalam talian sebelum persidangan itu. Walau bagaimanapun, pihak sekolah menyedari pada hari persidangan itu bahawa ibu bapa yang membuat pra-pendaftaran tidak semestinya ibu bapa yang akhirnya menghadiri persidangan itu. Pihak sekolah mengumpul data peribadi ibu bapa yang telah menghadiri persidangan ibu bapa-guru secara fizikal untuk mendaftar dan mengesahkan identiti ibu bapa yang hadir. Pemprosesan ini dilakukan secara ad hoc sebagai tindak balas kepada situasi dan bukannya pemantauan yang berkala dan sistematik.

(f) takat geografi aktiviti pemprosesan data

2.5 Sila ambil perhatian bahawa apabila menilai sama ada aktiviti pemprosesan data akan dianggap sebagai "skala besar', setiap ambang di atas harus dipertimbangkan satu persatu. Setelah ditetapkan, setiap ambang individu mungkin mencukupi untuk menetapkan bahawa pengawal data / pemproses data menjalankan pemprosesan "skala besar".

2.6 Walau bagaimanapun, setiap satu ambang tidak semestinya perlu dipenuhi untuk pemprosesan data dianggap sebagai "skala besar". Dalam erti kata lain, setiap satu ambang adalah mencukupi tetapi tidak diperlukan untuk tujuan menentukan sama ada aktiviti pemprosesan data adalah "skala besar". Walau bagaimanapun, pengawal data / pemproses data yang memenuhi lebih daripada satu (1) ambang di atas lebih berkemungkinan daripada tidak untuk dianggap sebagai memproses data peribadi pada skala besar.

2.7 Untuk mengelakkan keraguan, pengawal data / pemproses data tidak akan dikecualikan daripada menjalankan pemprosesan "skala besar" semata-mata atas sebab ia tidak termasuk dalam mana-mana satu ambang yang dinyatakan.

2.8 Sila ambil perhatian juga bahawa pengawal data / pemproses data yang memenuhi ambang pemprosesan data peribadi pada skala besar dikehendaki, sekurang-kurangnya, melantik satu (1) DPO untuk organisasinya, yang mungkin dilantik daripada pembekal luar atau dilantik secara dalaman dalam kalangan pekerja pengawal data / pemproses data.

2.9 Pengawal data / pemproses data boleh mempertimbangkan sama ada DPO tambahan atau pasukan sokongan kakitangan DPO juga perlu dilantik untuk tujuan memudahkan DPO menjalankan tanggungjawab mereka. Ia bergantung pada keadaan pengawal data / pemproses data seperti saiz organisasi atau jenis aktiviti pemprosesan data yang dijalankan oleh pengawal data / pemproses data.

Soalan 1

Dalam memberikan jawapan anda kepada soalan di bawah, sila berikan justifikasi yang jelas untuk menyokong pandangan anda:

(a) Adakah anda fikir pengawal data / pemproses data mampu menggunakan faktor di atas secara munasabah untuk menentukan sama ada mereka memenuhi ambang "skala besar" untuk mematuhi keperluan pelantikan DPO di bawah APDP?

(b) Adakah anda fikir "skala besar" harus ditakrifkan berdasarkan ambang kuantitatif yang nyata (contoh: pengawal data / pemproses data mesti melantik DPO jika ia memproses data peribadi sebanyak 20,000 subjek data), atau adakah ia harus berdasarkan senarai faktor, seperti yang digariskan dalam Perenggan 2.4 di atas?

(c) Jika jawapan anda dalam (b) adalah yang kedua, adakah senarai faktor di atas mencukupi atau adakah ia mengabaikan keperluan ambang yang mungkin membantu untuk menentukan sama ada pengawal data / pemproses data mungkin memproses data peribadi secara "skala besar"? Jika ya, sila nyatakan apakah keperluan khusus tersebut.

(d) Adakah anda fikir faktor 2.4(e) yang disenaraikan di atas harus merangkumi aktiviti pemprosesan data yang memerlukan "pemantauan berkala dan sistematik"? Jika ya, adakah wajar untuk memasukkan kriteria "pemantauan berkala dan sistematik" bagi pelantikan DPO, untuk merangkumi aktiviti pemprosesan data oleh pengawal data / pemproses data yang kerap berlaku, dalam tempoh yang panjang dan secara berterusan. Contohnya, untuk tujuan analisis tingkah laku?

[B] Keselarasan dengan keperluan undang-undang lain untuk peranan serupa dengan DPO

2.10 Latar Belakang: Sesetengah pengawal data / pemproses data mungkin telah menamakan/melantik pegawai dalam operasi mereka yang menjalankan peranan yang serupa atau bertindih dengan DPO (contoh pegawai pematuhan atau ketua pegawai maklumat atau ketua pegawai teknologi).

2.11 Ini mungkin disebabkan oleh faktor seperti struktur sumber manusia unik pengawal data / pemproses data sendiri atau disebabkan oleh keperluan berkaitan data lain yang sebaliknya telah mengenakan keperluan untuk orang yang bertanggungjawab atau pegawai untuk bertanggungjawab terhadap pematuhan data dalam organisasi.

2.12 Cadangan: Untuk mengelakkan peranan DPO menjadi peranan yang berlebihan atau duplikasi dan selaras dengan amalan di bidang kuasa lain (termasuk EU), adalah dicadangkan bahawa DPO dibenarkan menjalankan fungsi kerja tambahan selain daripada peranan khusus data mereka sebagai DPO. Oleh itu, seseorang boleh dilantik sebagai DPO di samping menjalankan skop kerja sedia ada mereka, dengan syarat individu tersebut masih mampu menjalankan peranan mereka sebagai DPO dengan berkesan.

Soalan 2

Adakah keperluan pelantikan DPO bertindih, menduplikasi atau sebaliknya berkaitan dengan keperluan undang-undang lain yang sedia ada yang organisasi anda tertakluk di bawah undang-undang Malaysia? Jika ya, sila terangkan atau rujuk kepada keperluan undang-undang lain yang berkenaan.

[C] Risiko khusus berkaitan sektor yang perlu diketahui oleh DPO semasa menjalankan fungsinya

2.13 Latar Belakang : Pihak berkuasa perlindungan data di bidang kuasa lain (termasuk EU), menetapkan skop minimum tanggungjawab berkanun yang mesti dilaksanakan DPO, yang bertujuan untuk menggalakkan konsistensi dan akauntabiliti dalam peranan DPO untuk menyelia dan memantau amalan perlindungan data pengawal data / pemproses data.

2.14 Bagi mengelakkan keraguan, DPO tidak diharapkan melaksanakan tugas individu yang dicadangkan di bawah secara langsung. Sebaliknya, DPO mungkin menjalankan fungsi pengawasan dengan memastikan pasukan pakar / kakitangan data mereka menjalankan tanggungjawab seperti cadangan di bawah.

2.15 Cadangan: Adalah dicadangkan bahawa DPO mempunyai tanggungjawab berikut (dipendekkan secara ringkas), sekurang-kurangnya:

(a) menasihati pengawal data / pemproses data mengenai pemprosesan data peribadi dan aplikasi APDP dan undang-undang perlindungan data yang berkaitan;

(b) menyokong pengawal data / pemproses data dalam mematuhi keperluan APDP dan undang-undang perlindungan data lain yang berkenaan;

(c) menjalankan penilaian impak perlindungan data;

(d) memantau pematuhan data peribadi pengawal data / pemproses data;

(e) memastikan bahawa latihan dalaman diberikan kepada kakitangan pengawal data / pemproses data mengenai amalan perlindungan data terkini;

(f) bertindak sebagai fasilitator dan titik penghubung di antara subjek data dan pengawal data / pemproses data berkenaan dengan pemprosesan data peribadi subjek data;

(g) bertindak sebagai pegawai perhubungan dan sumber rujukan utama pengawal data / pemproses data dengan Pesuruhjaya; dan

(h) tanggungjawab tambahan yang mungkin ditetapkan oleh Pesuruhjaya atau pengawal data / pemproses data dari semasa ke semasa (contoh akibat daripada perkembangan teknologi).

Soalan 3

Adakah terdapat sebarang aktiviti pemprosesan data peribadi khusus atau risiko yang anda jangkakan bahawa DPO harus cakna semasa menjalankan fungsi mereka, yang belum dirangkumi atau harus dinyatakan dalam tanggungjawab minimum di atas? Jika ya, sila perincikan apakah aktiviti atau risiko khusus ini dan berikan justifikasi yang jelas untuk menyokong pandangan anda.

[D] Garis pelaporan untuk DPO

2.16 Latar Belakang: Beberapa bidang kuasa (termasuk EU) secara khusus memerlukan DPO untuk mempunyai akses pelaporan terus kepada pengurusan kanan tertinggi pengawal data / pemproses data. Ini adalah untuk memastikan kebebasan DPO dan memberikan kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dengan berkesan serta memberi mereka pengaruh ke atas strategi perlindungan data pengawal data / pemproses data.

2.17 DPO mungkin menghadapi potensi konflik kepentingan jika mereka memegang jawatan dalam pengurusan kanan pengawal data / pemproses data, atau jika ahli pengurusan kanan memegang dua jawatan atau mempunyai tanggungjawab ganda dalam organisasi (contoh sebagai DPO dan Ketua Pegawai Kewangan). Konflik ini mungkin timbul disebabkan oleh kepentingan dan keutamaan skop kerja mereka yang berbeza, iaitu antara peranan mempromosikan matlamat strategik dan mesra perniagaan serta mengutamakan pematuhan sewajarnya terhadap undang-undang perlindungan data.

2.18 Cadangan: Adalah dicadangkan bahawa DPO mesti mempunyai garis pelaporan langsung / akses kepada pasukan pengurusan kanan tertinggi pengawal data / pemproses data, atau kepada kakitangan yang memegang jawatan yang setara bergantung pada sifat struktur organisasi pengawal data / pemproses data (contoh kakitangan yang boleh mengarahkan pembuatan keputusan pada peringkat tertinggi dalam kalangan pengawal data / pemproses data tersebut dalam bidang kuasa itu).

2.19 Garis pelaporan langsung bermaksud bahawa DPO mesti mempunyai akses kepada pasukan pengurusan kanan (atau yang setara) untuk memberikan nasihat dan cadangan mereka, atau boleh merangka laporan yang diserahkan terus kepada pasukan pengurusan kanan tertinggi, untuk memastikan bahawa pasukan pengurusan kanan mengetahui nasihat dan syor DPO. Dalam amalan, ini mungkin memerlukan DPO dilantik mempunyai peranan yang tidak terlalu rendah dalam hierarki struktur organisasi.

Soalan 4

Dalam memberikan jawapan anda kepada soalan di bawah, sila berikan justifikasi yang jelas untuk menyokong pandangan anda:

(a) Adakah anda fikir adalah penting untuk DPO mempunyai garis pelaporan langsung / akses kepada pengurusan kanan pengawal data / pemproses data (atau yang setara)?

(b) Adakah anda menjangkakan sebarang cabaran pematuhan yang mungkin timbul dan boleh menghalang pengawal data / pemproses data daripada melaksanakan keperluan untuk garis / akses pelaporan langsung dengan berkesan?

[E] Pelantikan DPO serantau dan keperluan kediaman tempatan DPO

2.20 Latar Belakang: Seperti yang dinyatakan di atas, sesetengah pengawal data / pemproses data mungkin sudah tertakluk kepada keperluan undang-undang untuk melantik DPO atau jawatan yang setara yang mungkin berdasarkan undang-undang perlindungan data bidang kuasa lain.

2.21 Keperluan di beberapa negara ini (termasuk EU) secara jelas membenarkan sekumpulan syarikat melantik seorang DPO untuk tujuan memastikan pematuhan undang-undang data peribadi yang terpakai dalam bidang kuasa masing-masing di mana kumpulan tersebut beroperasi. Oleh itu, seorang DPO yang dikongsi boleh dilantik untuk mengawasi dan mengurus aktiviti pematuhan data merentasi kumpulan syarikat yang beroperasi di pelbagai bidang kuasa, termasuk kewajipan di bawah APDP.

2.22 Seperti yang dinyatakan di atas, peranan DPO juga mungkin bersifat luaran (berbanding dengan peranan dalaman) dan perkhidmatan DPO mungkin disumberluarkan daripada pihak ketiga bergantung kepada keperluan pengawal data / pemproses data.

2.23 Untuk memastikan kebolehcapaian dan kecekapan maklum balas, terutamanya terhadap Pesuruhjaya (contoh untuk membolehkan maklum balas yang lebih cepat terhadap sebarang pertanyaan atau kebimbangan Pesuruhjaya yang disebabkan oleh perbezaan masa dan bahasa), DPO harus dilantik dan perlu bermastautin secara tetap di Malaysia.

2.24 Cadangan: Adalah dicadangkan bahawa seorang DPO boleh dilantik untuk berkhidmat kepada beberapa entiti dalam kumpulan syarikat yang sama untuk pengawal data / pemproses data.

2.25 Selain itu, bagi tujuan kebolehcapaian dan kecekapan maklum balas kepada Pesuruhjaya, adalah dicadangkan bahawa DPO yang dilantik bermastautin secara tetap di Malaysia.

Soalan 5

Dalam memberikan jawapan anda kepada soalan di bawah, sila berikan justifikasi yang jelas untuk menyokong pandangan anda:

(a) Adakah anda menjangkakan sebarang isu jika DPO yang dikongsi dilantik merentasi semua entiti dalam kumpulan yang sama?

(b) Adakah anda menjangkakan sebarang isu dengan pengenalan keperluan bahawa DPO mesti bermastautin secara tetap di Malaysia?

[F] Kepakaran dan kelayakan minimum DPO dan pensijilan DPO

2.26 Latar Belakang: DPO harus memiliki pengetahuan dan kebolehan tertentu untuk memastikan mereka dapat memenuhi tugas minimum untuk DPO seperti yang digariskan dalam Perenggan 2.15 di atas.

2.27 Kelayakan DPO mestilah setara dengan tanggungjawab yang diamanahkan supaya DPO dapat melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Dalam erti kata lain, pengawal data / pemproses data bersaiz lebih besar atau yang mengendalikan data peribadi dalam skala yang lebih besar (contoh, syarikat multinasional) perlu melantik DPO yang berkelayakan lebih tinggi berbanding dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana yang bersaiz lebih kecil.

2.28 Bidang kuasa lain (termasuk EU) secara amnya memerlukan DPO untuk memiliki pengetahuan dan kebolehan minimum yang dijangka sejajar dengan tanggungjawab mereka. Walaupun kami tidak melihat adanya keperluan kelayakan khusus atau ketat yang dikenakan kepada DPO, sesetengah bidang kuasa telah mengiktiraf program pensijilan tertentu untuk DPO. Contohnya, di Singapura dan Filipina:

(a) Singapura telah menjalinkan kerjasama dengan Persatuan Profesional Privasi Antarabangsa ("**PPPA**") untuk melatih dan mengeluarkan Sijil Pengamal untuk Perlindungan Data Peribadi (Singapura) kepada individu yang telah lulus peperiksaan pensijilan yang dikendalikan bersama oleh Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi Singapura dan PPPA; dan

(b) Filipina telah melaksanakan program kecekapan privasi data untuk melatih dan mendidik orang ramai tentang rangka kerja undang-undang dan peraturan privasi di Filipina. Walau bagaimanapun, pencapaian selesai kursus tidak setara dengan memperoleh pensijilan profesional.

2.29 Cadangan: Dicadangkan supaya DPO yang dilantik memenuhi set kemahiran dan kelayakan minimum yang ditetapkan bagi memastikan mereka dapat menjalankan tugas dengan berkesan, iaitu:

(a) pengetahuan yang baik tentang keperluan di bawah APDP (termasuk mana-mana undang-undang perlindungan data lain yang berkenaan);

(b) pemahaman yang baik tentang operasi perniagaan pengawal data / pemproses data dan operasi pemprosesan data peribadi yang dijalankan;

(c) pemahaman yang baik tentang sistem IT dan langkah keselamatan data yang digunakan oleh pengawal data / pemproses data;

(d) kualiti peribadi seperti integriti dan etika profesional yang tinggi;

(e) keupayaan untuk menggalakkan budaya perlindungan data dalam organisasi; dan

(f) kecekapan dan pemahaman yang baik tentang keperluan budaya dan bahasa bagi bidang kuasa tempat pengawal data / pemproses data beroperasi.

2.30 Pesuruhjaya juga boleh membangunkan atau menetapkan program latihan atau pensijilan untuk DPO dari semasa ke semasa, yang mungkin bersifat tempatan atau antarabangsa, dan memerlukan individu yang ingin dilantik sebagai DPO di bawah APDP untuk melengkapkan program latihan tersebut atau mendapatkan pensijilan tersebut sebelum mereka boleh dilantik sebagai DPO.

Soalan 6

Dalam memberikan jawapan anda kepada soalan di bawah, sila berikan justifikasi yang jelas untuk menyokong pandangan anda:

(a) Apakah pandangan anda tentang penggunaan "sound (mantap/berkebolehan)" berbanding "good (baik/berkeupayaan)" sebagai ukuran dan kayu ukur untuk menentukan kemahiran dan kelayakan minimum untuk DPO?

(b) Apakah jenis pensijilan / kelayakan yang anda cadangkan untuk diiktiraf oleh Pesuruhjaya? Contohnya, pensijilan privasi yang dikeluarkan oleh PPPA?

(c) Pada pandangan anda, adakah set kemahiran minimum dan keperluan kelayakan yang dicadangkan di atas adalah memadai dan mencukupi untuk memastikan DPO dilengkapi untuk melaksanakan obligasinya di bawah APDP?

[G] Faktor-faktor yang mungkin dipertimbangkan Pesuruhjaya dalam menggunakan budi bicaranya untuk mewajibkan pelantikan DPO

2.31 Latar Belakang: Sebagai tambahan kepada kriteria pelantikan DPO yang mandatori di atas, dicadangkan bahawa Pesuruhjaya diberikan kuasa untuk mewajibkan pengawal data / pemproses data yang tidak memenuhi kriteria / ambang yang ditetapkan untuk mematuhi kewajipan pelantikan DPO, sebagaimana yang dia fikirkan sesuai berdasarkan kes demi kes.

2.32 Kami telah memerhatikan keperluan menyeluruh yang serupa di bidang kuasa lain (termasuk EU) untuk membenarkan pihak berkuasa perlindungan data mengarahkan pengawal data / pemproses data untuk melantik DPO bagi organisasi mereka.

2.33 Cadangan: Memandangkan perkara di atas, dicadangkan bahawa Pesuruhjaya harus diberi fleksibiliti untuk mengarahkan kelas tertentu atau pengawal data / pemproses data tertentu untuk melantik DPO jika difikirkan perlu secara kes demi kes. Ini adalah walaupun pengawal data / pemproses data tersebut tidak memenuhi kriteria / ambang yang ditetapkan untuk tertakluk kepada kewajipan pelantikan DPO yang mandatori.

2.34 Contoh keadaan di mana Pesuruhjaya mungkin menggunakan kuasanya untuk mengarahkan pelantikan DPO termasuk:

(a) apabila sifat data peribadi yang diproses oleh pengawal data / pemproses data adalah sensitif;

(b) apabila pengawal data atau pemproses data sebelum ini pernah mengalami pelanggaran data yang ketara atau mempunyai sejarah ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan perlindungan data; atau

(c) apabila Pesuruhjaya mengenal pasti industri atau sektor tertentu yang menimbulkan risiko yang lebih tinggi kepada privasi dan keselamatan data, dengan itu memerlukan pelantikan DPO untuk memastikan amalan perlindungan data yang kukuh oleh pengawal data / pemproses data yang beroperasi dalam industri atau sektor tersebut.

Soalan 7

Dalam memberikan jawapan anda kepada soalan di bawah, sila berikan justifikasi yang jelas untuk menyokong pandangan anda:

Dengan mengambil kira ambang dan faktor sedia ada untuk "skala besar" di atas, adakah anda fikir terdapat sebarang aktiviti pemprosesan berisiko tinggi khusus atau risiko dan kebimbangan yang timbul yang perlu diambil kira oleh Pesuruhjaya apabila menggunakan budi bicaranya untuk mewajibkan pengawal data / pemproses data mematuhi kewajipan pelantikan DPO di bawah APDP?